

SULIT

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos 2016

2 ¼ JAM



MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2016

BAHASA MELAYU

Kertas 1

2 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Modul latihan berfokus ini mengandungi 3 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK)** dalam kehidupan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEBAIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)



BAHAGIAN B

(100 Markah)

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda seorang warganegara yang mempunyai semangat cinta akan negara. Jelaskan cara-cara untuk menunjukkan semangat kecintaan terhadap negara anda.
2. Amalan kejiiran semakin terpinggir dalam masyarakat pada masa ini. Masyarakat semakin melupakan amalan bergotong-royong, kunjung-mengunjungi, dan bertegur sapa sesama jiran. Dalam hal ini, keluarga berperanan penting untuk menghidupkan amalan kejiiran ini agar menjadi ikutan anak-anak.

Ulas pernyataan ini.

3. Sebagai pegawai kesihatan anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.

Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

4. Hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa adalah amat penting.

Ulaskan pendapat anda tentang kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain.

5. Perwatakan watak utama dalam sebuah novel yang telah anda baca, banyak mengandungi keistimewaan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT